

Lawatan Ke Taman Haiwan



Baca petikan ini dengan sebutan dan nada yang betul.

Sabtu lalu, Ramlan dan adiknya melawat taman haiwan di Taiping, Perak. Kebetulannya, keluarga Ramlan balik kampung. Kampung bapa Ramlan terletak di Taiping. Jadi, ayah membawa mereka berdua ke taman haiwan di sana.

Pada awal pagi, Ramlan dan adiknya bersiap sedia untuk pergi ke sana. Mereka menaiki kereta dan perjalanan itu memakan masa selama 20 minit. Taman haiwan itu dibuka pada pukul 9 pagi. Jadi, ayah segera beratur untuk membeli tiket masuk. Barisan pelawat yang sedang beratur di kaunter tiket sangat panjang.

Terdapat banyak jenis haiwan mamalia, reptilia, spesies burung dan hidupan marin di taman haiwan tersebut. Taman haiwan itu juga menyediakan khidmat safari malam untuk melihat aktiviti haiwan nokturnal. Taman safari itu sangat besar dan luas. Taman itu seluas 6 hektar.



Ramlan dan adiknya berasa girang dan ceria bila berada di sana. Mereka melonjak gembira apabila melihat persembahan haiwan marin seperti penguin, ikan lumba-lumba dan singa laut. Mereka teruja apabila disembur air oleh ikan lumba-lumba di kolam.



Selepas itu, mereka memasuki khemah sarkas mini. Ramlan dan adiknya menyaksikan gelagat haiwan liar seperti orang utan, singa, gajah dan beruang membuat beberapa aksi yang mencuit hati. Mereka berdua terhibur dengan lawak haiwan-haiwan di sarkas itu.

Selepas makan tengah hari, ayah membawa mereka ke khemah foto untuk bergambar dengan anak haiwan pilihan. Mereka juga mengambil bahagian dalam pertandingan melakar gambar



haiwan. Adik Ramlan mendapat sebuah patung beruang sebagai hadiah sagu hati. Ramlan pula mendapat topi singa dalam acara cabutan bertuah.

Kemudian, mereka berdua memberi makan kepada arnab, kuda dan burung di dalam kurungan. Ramlan dan adiknya benar-benar berasa senang hati selepas melawat taman haiwan itu. Mereka ingin melawat sekali lagi apabila balik kampung nanti.





Latihan 1: Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan.


1. Bilakah Ramlan dan adiknya melawat taman haiwan?

2. Di manakah taman haiwan itu terletak?

3. Mengapakah ayah Ramlan membawa mereka berdua ke taman haiwan?

4. Berapa lamakah perjalanan dari kampung ke taman haiwan itu?

5. Pada pukul berapakah taman haiwan Taiping dibuka?



Latihan 2: Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

1. Ayah Ramlan beratur untuk membeli_____.
2. Barisan pelawat yang beratur di kaunter tiket sangat_____.
3. Taman haiwan Taiping juga menyediakan khidmat _____.
4. Ramlan dan adiknya _____apabila melihat persembahan haiwan marin.
5. Ramlan dan adiknya _____apabila disembur air oleh ikan lumba-lumba.





Latihan 3: Padankan tempat dengan penerangan yang betul.

1. taman haiwan

2. kaunter tiket

3. taman safari

4. sarkas mini

5. kurungan

6. khemah foto

a. tempat memberi makan kepada arnab dan burung.

b. untuk menyaksikan aksi haiwan-haiwan liar.

c. tempat bergambar dengan anak haiwan.

d. terletak dekat kampung bapa Ramlan.

e. seluas enam hektar.

f. untuk membeli tiket masuk ke taman haiwan.